

ORIGINAL ARTICLE

**TAHAP PENGETAHUAN GURU BAHASA ARAB
DALAM MELAKSANAKAN KELAS BERBALIK****THE LEVEL OF KNOWLEDGE ARABIC LANGUAGE
TEACHERS IN IMPLEMENTING FLIPPED
CLASSROOM**

**Asma binti Hilmi *¹, Zarima binti Mohd Zakaria ²,
Ai Fatimah Nur Fuad ³**

¹ Faculty Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: asma.hilmi07@gmail.com

² Faculty Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: zarima@fbk.upsi.edu.my

³ Faculty of Islamic Studies, Universitas Muhammadiyah Prof Dr Hamka (UHAMKA), Indonesia.

Email: Fatimah_nf@uhamka.ac.id

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/81>

Abstract

The use of technology in education is very common nowadays, and it is strongly encouraged as it provides effectiveness of the teaching and learning process especially through the 'Flipped Classroom' method. The form of this method focuses on the uses of technology and student-centered. Previous studies have shown that the Flipped classroom method has a positive effect on increasing students' interest in learning. However, recent studies show that most Arabic language teachers still use traditional methods in their teaching, making the learning environment passive and tedious. Therefore, this article aims to discuss the knowledge that Arabic teachers need to master in implementing the Flipped Classroom in order to make the teaching process more effective and engaging students.

Keywords: Technology, Flipped Classroom, Arabic Language, knowledge

Abstrak

Penggunaan teknologi dalam pendidikan kini bukanlah sesuatu yang asing lagi, bahkan penggunaannya sangat digalakkan bagi meningkat keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya melalui kaedah Kelas Berbalik. Kelas Berbalik adalah suatu bentuk pengajaran yang menggunakan teknologi dan berpusatkan pelajar. Kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah Kelas Berbalik banyak memberi kesan positif dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran. Walaubagaimanapun, kajian lepas menunjukkan kebanyakan guru

bahasa Arab masih lagi menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran mereka menyebabkan suasana pembelajaran menjadi pasif dan membosankan. Justeru, artikel ini bertujuan membincangkan pengetahuan yang perlu dikuasai pada guru bahasa Arab dalam melaksanakan Kelas Berbalik bagi memastikan proses pengajaran lebih berkesan dan mampu menarik minat pelajar.

Kata kunci: Teknologi, Kelas Berbalik, bahasa Arab, pengetahuan

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 17th April 2020, revised 3rd May 2020, accepted 25th May 2020

Pengenalan

Pendidikan yang berkualiti banyak dipengaruhi oleh guru sebagai faktor utama. Guru memainkan peranan yang sangat penting bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan seimbang dari segi emosi, jasmani, intelek dan rohani. (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2013)¹. Tambahan pula, negara kini sedang diambang ledakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan kemajuan inovasi digital dan penghasilan Internet of Things (IoT) yang semakin berkembang dan mencabar. Sehubungan dengan itu, pendidikan yang dilaksanakan juga perlu bergerak seiring agar dapat melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan mampu mengisi ruang mengikut keperluan industri semasa.

Pihak kerajaan juga telah mengemaskini dasar e-pembelajaran negara 2.0 (DePAN 2.0) bagi menggalakkan pembelajaran dalam talian dilaksanakan oleh tenaga pengajar secara menyeluruh bagi meningkatkan kualiti pembelajaran. Selain itu, lonjakan ke sembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, turut menggariskan penggunaan kemudahan ICT dalam pengajaran bagi meningkatkan kualiti pembelajaran agar setaraf dengan pembelajaran tahap global (KPM, 2013)¹. Hal ini jelas menunjukkan, pihak kerajaan amat memandang serius isu pengintegrasian teknologi dalam pendidikan. Justeru, guru perlu sentiasa bersedia untuk melaksanakan transformasi dalam pengajaran mereka supaya matlamat pendidikan negara dapat dicapai.

Dalam konteks sekolah, guru dilihat sebagai individu yang paling tepat dan bertanggungjawab untuk melaksanakan transformasi ini dalam pengajaran mereka. Guru yang berkualiti berupaya menghubungkan pengetahuan mereka dengan kaedah pengajaran (Chong & Cheah, 2009)². Tambahan pula, pendidikan abad ke-21 memerlukan guru menghasilkan pelajar yang kreatif, kritis dan inovatif. Oleh itu, guru perlu terlebih dahulu menguasai dan melengkapi diri dengan pelbagai ilmu pedagogi yang terkini supaya pengajaran yang dilaksanakan mampu memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 sekaligus mampu menarik minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana guru merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan sistem pendidikan yang ini (Rafiza et. al., 2016)³.

Kelas Berbalik merupakan salah satu model pengajaran yang terkini dan berpusatkan pelajar yang boleh diamalkan oleh guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Siegle (2013)⁴, Kelas Berbalik merupakan salah satu model pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar dan membantu meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Kelas Berbalik juga merupakan satu kaedah pembelajaran yang memberi peluang dan kebebasan kepada pelajar untuk mengulangkaji pembelajaran di rumah manakala waktu pembelajaran di sekolah akan dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti pengukuhan seperti kuiz, perbincangan, permainan dan sebagainya (Yap dan Liaw,2013)⁵. Oleh itu, pelajar dapat membuat persediaan awal dari segi pencarian maklumat sebelum topik tersebut dipelajari di kelas. Kaedah pembelajaran ini akan menjadikan pelajar lebih fokus dan bersedia untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.

Penyataan Masalah

Peranan guru kini kian mencabar kerana mereka bukan sahaja bertindak sebagai agen penyebar ilmu bahkan juga mereka perlu menguasai beberapa kemahiran yang lain seperti kemahiran teknologi bagi memantapkan diri untuk menjadi pendidik yang professional bagi merealisasikan tuntutan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menggalakkan guru mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran bagi melaksanakan matlamat pedagogi dalam talian melalui DePAN 2.0.

Pengetahuan guru berkaitan teknologi sangat penting bagi memastikan proses pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menarik minat pelajar. Namun begitu, banyak kajian yang telah dijalankan oleh sarjana di Malaysia yang menunjukkan kelemahan guru menguasai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Abdullah Ishak,1995; Ab Halim Tamuri et al, 2004; Bahagian Pendidikan Islam (BPI), 1993; Che Kamarudin Kamel Che Muhammad, 1999; Mohd Jasmy Abd Rahman & Muhammad Yusro Borhan Nordin, 2003; Rosmaria Mohd Sahat, 2003; Yahya Abdullah, 2003; Zarima Mohd Zakaria, 2005; Rusni Abd Latif, 2007)^{6,7,8,9,10,11,12,13,14}. Kelemahan penggunaan teknologi ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa tahap pengetahuan mereka berkaitan teknologi masih lagi rendah.

Kekurangan pengetahuan guru tentang kaedah pengajaran terkini menjadi punca pengajaran menjadi tidak menarik. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya pendedahan mengenai pengajaran tersebut atau guru terlalu sibuk dengan beban tugas lain di sekolah. Menurut Norashid dan Hamzah (2014)¹⁵, tugas yang terlalu banyak membebankan guru untuk menerima atau belajar ilmu baru. Hal ini demikian kerana, mereka terpaksa menyandang pelbagai jenis jawatan atau tugas khas yang lain sama ada dalam bidang akademik mahupun bidang kokurikulum di sekolah.

Selain itu, permasalahan yang berlaku biasanya berpunca daripada kelemahan guru bahasa Arab dalam memilih pendekatan pengajaran yang sesuai dalam pengajaran mereka. Menurut Zamri Mahamod (2012)¹⁶, keberkesanan pengajaran bukan sahaja di memerlukan guru menguasai pelbagai kaedah pengajaran bahkan yang lebih utama ialah cara guru menginterpretasi dan menyusun kaedah-kaedah tersebut agar menjadi sebuah strategi yang lebih berkesan. Walaubagaimanapun, dapatan kajian Gamal Abdul Nasir Zakaria et. al (2015)¹⁷ menunjukkan bahawa permasalahan dalam pembelajaran Bahasa Arab adalah disebabkan oleh sikap pengajar yang tidak berminat untuk membawa perubahan dalam pengajaran Bahasa Arab. Justeru, mereka lebih gemar menggunakan kaedah pengajaran berbentuk kuliah kerana ianya lebih mudah dan menjimatkan masa.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru bahasa Arab mengenai konsep TPACK dalam pengajaran bahasa Arab.
2. Mengetahui tahap pengetahuan guru bahasa Arab mengenai Kelas Berbalik.

Konsep *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK)

Model TPACK merupakan model yang sering digunakan untuk mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan. Model ini melengkapi model yang telah diperkenalkan oleh Shulman (1987).¹⁸ Walaubagaimanapun, model ini telah ditambahbaik dengan unsur *technological knowledge* oleh Pierson pada tahun 2001. Kemudian, Mishra dan Koehler (2006)¹⁹ telah mengusulkan nama baru daripada TPCK menjadi TPACK. TPACK merupakan satu kerangka yang memperkenalkan hubungan yang kompleks antara ketiga-tiga pengetahuan iaitu teknologi, pedagogi dan isi kandungan (Misha dan Koehler, 2006)¹⁹. Kerangka teori ini telah menjadi asas yang merujuk kepada pengetahuan dan pemahaman yang diperlukan oleh guru untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan (AACTE, 2008)²⁰.

Secara umumnya kerangka TPACK terdiri daripada tujuh komponen iaitu Content Knowledge atau Pengetahuan Kandungan (CK), Pedagogical Knowledge atau Pengetahuan Pedagogi (PK), Technological Knowledge atau Pengetahuan Teknologi (TK), Pedagogical Content Knowledge atau Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PCK), Technological Content Knowledge atau Pengetahuan Teknologi Kandungan (TCK), Technological Pedagogical Knowledge atau Pengetahuan Teknologi Pedagogi (TPK), Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (TPACK). Setiap komponen dalam kerangka ini sangat penting untuk dikuasai dan difahami oleh guru bagi memastikan kualiti pengajaran dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Kepentingan guru menguasai TPACK

Pengajaran yang berkesan bermula daripada persediaan yang rapi dan sistematik oleh guru sebelum melaksanakan pengajaran. Persediaan yang dimaksudkan adalah persediaan dari aspek pengetahuan iaitu guru perlu memahami dengan jelas fungsi dan manfaat TPACK terhadap pengajaran supaya mereka lebih bersemangat untuk melaksanakan transformasi dalam pengajaran. Setiap guru mestilah menguasai tiga komponen utama yang terdapat dalam kerangka TPACK iaitu teknologi, pedagogi dan kandungan. Antara fungsi utama TPACK ialah menjadi panduan kepada guru dalam merancang proses pengajaran yang berkesan sebagaimana yang dinyatakan oleh Maszuraini Miswan dan Hamed Adenan (2018)²¹, kerangka ini mencadangkan garis panduan bagi menjawab persoalan ‘apa yang hendak diajar’, bagaimana untuk mengajar’ dan apakah jenis teknologi’ yang sesuai digunakan semasa mengajar.

TPACK juga dapat membantu meringankan beban tugas guru dalam menyediakan bahan bantu mengajar yang banyak dan melibatkan kos penyediaan yang tinggi. Hal ini demikian kerana dengan menggunakan teknologi dalam pengajaran, semua bahan pengajaran hanya perlu dimuatnaik dalam bentuk *softcopy* atau video sahaja melalui aplikasi yang telah dipilih tanpa perlu menghabiskan masa, tenaga dan wang ringgit untuk menyediakan pelbagai salinan nota untuk diagihkan kepada pelajar. Oleh itu, tugas guru akan lebih mudah dan sistematik kerana semua

bahan pengajaran yang akan digunakan hanya disimpan dan dimuatnaik menggunakan kemudahan teknologi seperti laptop atau komputer sahaja.

Selain itu, dengan menguasai TPACK guru akan menjadi lebih kreatif dalam merancang aktiviti pengajaran. Hal ini demikian kerana dengan pengetahuan TPACK guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran yang disesuaikan dengan topik yang akan diajar, tanpa terikat kepada suasana kelas semata-mata. Sebagai contoh guru memberi peluang dan kebebasan kepada pelajar untuk mencari maklumat di luar kelas dengan menggunakan pelbagai kemudahan teknologi yang ada sama ada melalui telefon, tab, laptop dan sebagainya. Keadaan ini akan menjadikan susasana pembelajaran lebih menarik dan berkesan.

Pengetahuan guru berkaitan TPACK dalam Kelas Berbalik

Guru merupakan agen penyebar ilmu dan maklumat yang sangat penting dalam bidang pendidikan. Namun begitu, tugas guru kini bukan lagi sekadar hanya menyampaikan ilmu, bahkan mereka perlu melahirkan modal insan yang berdaya saing, berketrampilan dan kreatif bagi memenuhi tuntutan tenaga kerja sebagaimana yang diperlukan oleh IR 4.0 yang kian mencabar. Menurut Magisos (1989)²², guru yang terbaik adalah guru yang berpengetahuan tinggi dan mahir dalam bidang teknikal serta cekap melaksanakan tugas sebagai seorang guru. Manakala Kauchak dan Enggan (1989)²³ turut menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa kemahiran dan pengetahuan yang luas terhadap mata pelajaran serta mempunyai kefahaman terhadap aspek pembelajaran murid sangat penting bagi membantu keberkesanan pengajaran. Justeru, guru bahasa arab perlu sentiasa mempersiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan sama ada berkaitan teknologi, isi kandungan dan pedagogi.

Kelas Berbalik merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang menggunakan kerangka model *Technological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK) sebagai panduan asas dalam pelaksanaannya. Model TPACK merupakan model yang sering digunakan untuk mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan. Model ini melengkapi model yang telah diperkenalkan oleh Shulman (1986)²⁴ suatu ketika dahulu. Model ini telah ditambahbaik dengan unsur *technological knowledge* oleh Pierson pada tahun 2001. Kemudian Mishra dan Koehler (2006)¹⁹ telah mengusulkan nama baru daripada TPCK menjadi TPACK. TPACK merupakan satu kerangka yang memperkenalkan hubungan yang kompleks antara ketiga-tiga pengetahuan iaitu teknologi, pedagogi dan isi kandungan (Misha dan Koehler, 2006)¹⁹. Kerangka teori ini telah menjadi asas yang merujuk kepada pengetahuan dan pemahaman yang diperlukan oleh guru untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran secara berkesan (AACTE, 2008)²⁰.

Selain itu, pemahaman seorang guru terhadap pengetahuan isi kandungan merupakan sebuah cara untuk memahami pengetahuan dan ilmu pedagogi secara keseluruhan (Shulman, 1987)¹⁸. Sekiranya guru dapat memahami dengan baik mengenai pengetahuan isi kandungan, maka amalan pengajaran guru akan memberi kesan yang lebih positif dan mampu untuk mencapai matlamat pembelajaran yang ditetapkan. Oleh itu, guru perlu meneliti dan memahami setiap elemen penting yang diperlukan dalam melaksanakan Kelas Berbalik. Pemahaman yang dimaksudkan bukan hanya mengetahui tetapi menghayati pendekatan tersebut dengan mendalam dan memikirkan bagaimana pendekatan tersebut dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran di samping menjadikan suasana pengajaran lebih menarik. Kurangnya pemahaman

guru mengenai pelaksanaan Kelas Berbalik akan menyebabkan maklumat dan ilmu yang cuba disampaikan menjadi tidak berkesan malah menyebabkan pelajar hilang fokus dan objektif pengajaran sukar untuk dicapai.

Seterusnya, pemahaman guru juga dapat ditingkatkan melalui latihan dan pendedahan maklumat yang berterusan daripada pihak sekolah mengenai kepentingan dan keberkesanan pelaksanaan Kelas Berbalik dalam pengajaran supaya keyakinan mereka dapat ditingkatkan untuk turut melaksanakan pendekatan tersebut dalam pengajaran. Pemahaman yang baik oleh guru mengenai pendekatan Kelas Berbalik akan memberikan motivasi kepada guru untuk berusaha melaksanakan pengajaran tersebut sebaik mungkin bagi memperolehi hasil pembelajaran yang positif dan memberangsangkan sekaligus dapat menarik minat pelajar dalam pembelajaran.

Kelas Berbalik

Kelas berbalik boleh ditakrifkan juga sebagai '*inverted classroom*' sebagaimana didefinisikan oleh Lage, Platt dan Treglia (2000)²⁵. Kelas berbalik juga turut dikenali sebagai '*reversed classroom*' (Herreid & Schiller, 2013)²⁶. Hal ini bertepatan dengan pelaksanaannya yang menukarkan kebiasaan pelajar melakukan sesuatu perkara di dalam kelas kepada kerja rumah. Menurut Westermann (2014)²⁷, fokus konsep berbalik adalah terhadap pembentukan persekitaran yang berpusatkan pelajar yang berbantuan teknologi dan aktiviti kolaborasi di dalam kelas.

Selain itu, Bishop et.al (2013)²⁸ pula mentakrifkan kelas berbalik sebagai satu pendekatan aktiviti pembelajaran kumpulan secara interaktif di dalam kelas dan arahan individu berasaskan komputer secara langsung di luar bilik darjah. Kelas berbalik adalah gabungan pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan berpusatkan guru. Pendekatan berpusatkan pelajar terhasil daripada aktiviti kelas yang interaktif manakala pendekatan berpusatkan guru pula terhasil melalui arahan yang eksplisit oleh guru.

Manakala kelas berbalik menurut Mohamad Amin dan Ebrahim Panah (2014)²⁹ pula ialah konsep pedagogi yang menggantikan kuliah dan format kelas yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengkaji bahan-bahan pengajaran yang diperolehi di luar kelas. Pendekatan ini menggantikan kuliah dalam kelas dengan memberi peluang kepada mereka untuk meneroka dan mengkaji bahan-bahan diluar kelas melalui bacaan sendiri dan klip video. Menurut Canter (2012)³⁰, pedagogi menggunakan kelas berbalik sangat relevan demikian, kerana mereka berpeluang meneroka ilmu pengetahuan secara sendiri di mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja serta sangat berguna untuk menggalakkan pendidikan berterusan.

Pendekatan kelas berbalik sangat berbeza dari segi pelaksanaannya dengan pendekatan konvensional kerana melalui pendekatan ini pelajar akan mencari berusaha mencari maklumat yang berkaitan isi kandungan pembelajaran dan memahaminya sama ada secara sendiri atau berkumpul di luar kelas berbanding pendekatan konvensional yang membolehkan pelajar menguasai segala maklumat hanya di dalam kelas melalui pengajaran guru. Kelas berbalik merupakan satu kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengulangkaji pelajaran di rumah dan waktu pembelajaran di sekolah akan dilaksanakan dengan menjalankan aktiviti seperti kuiz, perbincangan, permainan dan sebagainya (Yap dan Liaw, 2013)⁵. Pendapat ini selari dengan Smallhorn (2017)³¹ dalam kajiannya telah menyimpulkan bahawa kelas berbalik

adalah suatu teknik pembelajaran yang dinamik, aktif dan dapat membantu pelajar berdikari meneroka sama ada dalam mahupun di luar waktu pengajaran.

Pengajaran bahasa Arab menggunakan kaedah Kelas Berbalik

Pendekatan Kelas Berbalik merupakan salah satu strategi pembelajaran yang terkini untuk melaksanakan kaedah pembelajaran campuran berasaskan teknologi dalam talian (Kurup & Hersey, 2013; McLaughlin et al, 2013)^{32,33}. Pendekatan Kelas Berbalik sangat sesuai digunakan oleh guru untuk menjimatkan masa pengajaran di dalam kelas. Hal ini selari dengan pendapat Berger & D'Ascoli, (2012)³⁴; McLaughlin et al. (2014)³⁵, yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu mengatasi masalah masa yang tidak mencukupi dalam pengajaran. Kenyataan ini juga disokong oleh Zaid alSagof et al. (2014)³⁶ yang menyatakan bahawa pendekatan kelas berbalik merupakan salah satu strategi terkini untuk mengatasi masalah kekurangan masa dalam pengajaran. Pendekatan ini amat sesuai dilaksanakan dalam konteks pembelajaran bahasa Arab kerana setiap tajuk yang diajar memerlukan masa yang panjang untuk diterangkan kepada pelajar. Oleh itu, penggunaan Kelas Berbalik dapat membantu menjimatkan masa pengajaran kerana guru tidak perlu lagi menerangkan sepenuhnya topik yang akan diajar kerana pelajar akan dilatih untuk mencari maklumat sendiri kemudian dipersembahkan di dalam kelas. Menurut Kurup dan Hersley (2013)³², kaedah ini mampu meningkatkan prestasi pelajar dan mampu mengatasi masalah masa penyampaian guru di dalam kelas.

Kelas Berbalik juga boleh digunakan oleh guru bahasa arab bagi meningkatkan fokus, dan minat pelajar. Menurut Mehta et.al (2013)³⁷, penggunaan kelas berbalik mampu meningkatkan peluang pelajar untuk lebih fokus kerana ia merupakan sebuah pendekatan berpusatkan pelajar. Hal ini demikian kerana melalui Kelas Berbalik, proses pengajaran dan pembelajaran tidak hanya tertumpu di dalam bilik darjah bahkan pembelajaran juga berlaku di luar kelas melalui video pembelajaran yang dimuatnaik oleh guru, natijahnya pelajar akan berusaha untuk memahami bahan yang diberikan oleh guru dan dapat membuat persediaan awal berkaitan topik yang akan dipelajari. Keadaan ini sekaligus dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan fokus pelajar di dalam kelas kerana mereka telah mempunyai pengetahuan awal tentang topik yang akan dipelajari.

Selain itu, Kelas Berbalik juga mampu meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan sesama pelajar. Hal ini demikian kerana dalam pelaksanaan Kelas Berbalik pelajar akan sentiasa didedahkan dengan aktiviti seperti perbincangan dan pembentangan dalam kumpulan. Kaedah pengajaran ini sangat sesuai dilaksanakan kerana aspek komunikasi merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru, kemahiran komunikasi pelajar dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui aktiviti perbincangan yang dilaksanakan sama ada di dalam mahupun di luar kelas.

Melalui pelaksanaan Kelas Berbalik pelajar akan lebih aktif dan berdikari dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Hal ini disebabkan melalui kaedah pembelajaran ini pelajar akan berusaha mencari maklumat sendiri tanpa mengharapkan guru kerana peranan guru hanya sebagai pemudah cara sahaja, dan bukan sebagai sumber pemberi maklumat yang utama. Misalnya pelajar akan diberi tugas oleh guru seperti menonton video Youtube di rumah melalui aplikasi dalam talian dan menyelesaikannya sama ada secara individu mahupun berkumpulan. Sepanjang membuat tugas tersebut pelajar bebas mencari dan meneroka pelbagai jenis bahan untuk mendapatkan maklumat. Kemudian mereka akan membentangkan hasil tugas mereka di

dalam kelas untuk dinilai oleh guru. Segala kekurangan dan kesilapan semasa proses pembentangan akan diperbetulkan oleh guru bagi mengelakkan kesalahfahaman dan kekeliruan dalam kalangan pelajar.

Suasana pembelajaran seperti ini dilihat sangat sesuai untuk dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa Arab kerana pelajar akan dilatih dengan pelbagai kemahiran seperti berkomunikasi, kolaboratif, berfikiran aras tinggi, membina pengetahuan, penyampaian maklumat, meningkatkan kreativiti dan motivasi pelajar dalam mengikuti sesi pembelajaran bahasa Arab. Pendekatan ini sekaligus akan menjadikan suasana pembelajaran bahasa Arab lebih menarik, berkesan dan menyeronokkan.

Kajian lepas berkaitan Pendekatan Kelas Berbalik dalam pembelajaran oleh Pengkaji Barat

Pendekatan kelas berbalik dalam pembelajaran bukanlah sesuatu yang baru kerana pengkaji mendapati banyak kajian berkaitan kelas berbalik telah dijalankan oleh penyelidik dari luar negara (Nederveld dan Berge, 2015; Simpson dan Richards, 2015; Touchton, 2015; Morgan, 2014; Tune et. al, 2013; Milman, 2012)^{38,39,40,41,42,43}. Kajian lepas mengenai kelas berbalik telah banyak dijalankan di luar negara dalam disiplin ilmu seperti Sains, Sains Sosial, Matematik, Matematik Teknologi, Bahasa Inggeris dan Kejuruteraan, sama ada untuk mengenal pasti pembangunan kurikulum, persepsi, kemahiran, pencapaian, kehadiran dan tingkah laku pelajar. Namun demikian, kajian mengenai pendekatan kelas berbalik adalah sangat terhad di Malaysia (Mukherjee, 2013)⁴⁴.

Kajian oleh Flumerfelt dan Green (2013)⁴⁵ memfokuskan dari aspek perubahan kurikulum di sekolah. Menurut Azlina A.Rahman et al. (2014)⁴⁶, kurikulum pendidikan perlu melalui perubahan yang berani dan sistematik bagi memastikan kurikulum sekolah bergerak seiring dengan pembelajaran abad ke-21. Kajian yang dijalankan oleh Flumerfelt dan Green (2013)⁴⁵ adalah sebagai perubahan pedagogi yang diterapkan dalam kurikulum sekolah melalui pelaksanaan pendekatan kelas berbalik. Dapatan kajian menunjukkan setelah pelaksanaan Kelas Berbalik, berlaku peningkatan peratusan dalam mata Pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Inggeris dan Sains Sosial.

Manakala, kajian But (2014)⁴⁷ terhadap sekumpulan pelajar universiti dalam bidang sains mendapati bahawa pendekatan kelas berbalik yang telah diperkenalkan mendapat reaksi yang sangat positif dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 70% pelajar menyatakan bahawa cara belajar menerusi aktiviti berkumpulan dan perbincangan yang terkandung dalam pendekatan kelas berbalik memberi manfaat berbanding pendekatan konvensional. Pendekatan konvensional yang dimaksudkan dalam kajian But (2014)⁴⁷ ialah pembelajaran yang berbentuk sehalu iaitu pelajar hanya berfungsi sebagai penerima maklumat yang pasif semasa sesi pembelajaran dijalankan. Kajian ini jelas menunjukkan keberkesanan Kelas Berbalik berbanding pengajaran tradisional.

Seterusnya kajian daripada Pang dan Yap (2014)⁴⁸ adalah berkaitan hasil pembelajaran menggunakan pendekatan kelas berbalik. Sebelum kajian dilaksanakan pelajar telah dijelaskan terlebih dahulu mengenai prosedur pelaksanaan pendekatan kelas berbalik sebelum sesi pembelajaran dimulakan. Kajian tersebut melibatkan pelajar di salah satu universiti di Singapura dalam Jurusan Kejuruteraan. Hasil kajian mendapati pendekatan kelas berbalik mendapat

sambutan yang baik dari pelajar dan hasil pembelajaran juga berjaya dicapai sebagaimana yang telah dirancang.

Penggunaan teknologi dalam pendidikan banyak memberi kebaikan kepada pelajar. Menurut Abu Bakar (2013)⁴⁹, implementasi teknologi dalam pendidikan secara sistematik bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam mata pelajaran yang sukar, bahkan juga dapat membantu memudahkan pengajaran guru. Kajian berkaitan kelas terbalik telah dilakukan oleh Fulton (2012)⁵⁰, di sebuah sekolah di Amerika Syarikat iaitu Bryon School yang mengalami masalah kewangan yang serius sehingga pihak sekolah terpaksa membuat perubahan secara drastik terhadap kurikulum pendidikan sekolah tersebut kerana tidak dapat menanggung kos pembelian buku teks. Sepanjang pelaksanaan kajian ini teknologi telah digunakan bagi menggantikan buku teks biasa kepada buku teks digital. Segala maklumat dan bahan rujukan yang berkaitan telah dikongsi melalui capaian internet sebagaimana pelaksanaan yang disarankan dalam kelas berbalik. Mata Pelajaran perintis yang dipilih untuk dilaksanakan kelas berbalik adalah mata pelajaran matematik. Sehingga tahun 2011, sekolah ini telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan sehinggalah mendapat anugerah *School of Distinction for Mathematics* oleh Syarikat Intel. Hasil daripada kejayaan tersebut, pendekatan kelas terbalik mula mendapat perhatian di sekolah-sekolah lain dan Bryon School dijadikan idola serta rujukan bagi sekolah yang berminat untuk melaksanakan pendekatan kelas berbalik.

Manakala Lockwood et. al (2013)⁵¹ pula menjalankan kajian dengan menggabungkan pendekatan kelas berbalik dengan kaedah pedagogi yang lain iaitu pembelajaran berasaskan penyiasatan (*Inquiry Base Learning*). Pendekatan berasaskan penyiasatan dijalankan bagi memberi peluang kepada pelajar dalam melaksanakan lebih banyak aktiviti secara berkumpulan dan hands-on. Hasil kajian yang menunjukkan kesan positif telah menjadi inspirasi kepada Lockwood et al. (2013)⁵¹ untuk membangunkan buku digital sendiri dan meluaskan pelaksanaan Kelas Berbalik terhadap disiplin yang lain. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa Kelas Berbalik mendatangkan kesan positif tambahan pula digabungkan dengan pembelajaran berasaskan masalah yang membantu pelajar untuk lebih aktif dan pembelajaran juga akan lebih berpusatkan pelajar.

Mason et. al (2013)⁵² pula menjalankan kajian secara meluas berkaitan pendekatan kelas berbalik. Mason telah meluaskan skop kajiannya kepada tiga bidang iaitu isi kandungan, pencapaian pelajar dan persepsi pelajar. Sebagaimana dapatan pengkaji yang lepas, pendekatan kelas berbalik memberikan kesan positif berbanding pendekatan konvensional kerana melalui pendekatan kelas berbalik pelajar dapat menguasai lebih banyak isi kandungan dalam mata pelajaran dan mampu menyelesaikan lebih banyak soalan aras tinggi berbanding pelajar dari kelas konvensional. Kajian ini juga terbukti mendatangkan banyak kesan positif terhadap pelajar dari aspek isi kandungan, pencapaian dan persepsi pelajar.

Perkembangan teknologi dalam PdPc memberi impak yang besar terhadap pedagogi abad ini. Pelaksanaan Kelas Berbalik boleh dijalankan menggunakan kemudahan teknologi seperti video, perisian multimedia, audio dan sistem pembelajaran pintar. Sistem pembelajaran pintar dalam talian merupakan sistem yang digunakan oleh Strayer (2012)⁵³ dalam pelaksanaan Kelas Berbalik. Beliau menegaskan pembelajaran interaktif seperti pembelajaran dalam talian perlu dilaksanakan bersama bagi mencapai objektif kelas berbalik. Walaubagaimanapun, pendapat Strayer (2012)⁵³ didapati bertentangan dengan Jiugen et. al (2014)⁵⁴ yang menjelaskan pendekatan

kelas berbalik bukan terbatas kepada pembelajaran dalam talian sahaja tetapi boleh menggunakan apa jua jenis bahan selagimana boleh memberi manfaat kepada pelajar.

Kajian daripada Stone (2012)⁵⁵ pula adalah bertujuan untuk mengukur keberkesanan pendekatan kelas berbalik dari segi pencapaian pelajar, purata kehadiran dan tingkah laku pelajar. Beliau menjalankan pendekatan kelas berbalik terhadap mata pelajaran Sains dan mendapati pendekatan kelas berbalik memberikan kelebihan yang ketara terutamanya dari segi penyediaan ruang dan masa yang lebih berkualiti antara pelajar dengan guru. Hal ini sangat membantu mewujudkan interaksi yang berkesan antara pelajar dan guru yang merupakan kunci kepada pembelajaran aktif dan bermakna.

Kajian seterusnya daripada Westermann (2014)⁵⁶, yang berkaitan persepsi pelajar dan guru terhadap pelaksanaan pendekatan kelas berbalik dalam pengajaran Sejarah di Universiti Texas dengan menggunakan video rakaman bagi menggalakan aktiviti kolaboratif semasa sesi pembelajaran bersemuka didalam kelas dengan menyediakan ruang kepada pelajar bagi perbincangan yang luas dengan berkongsi pengalaman mereka.

Tetty Juliana (tidak dinyatakan tahun)⁵⁷ dalam kajiannya iaitu pembelajaran genre Sastera melalui kelas berbalik telah menggunakan model pembelajaran kelas berbalik dan pembelajaran secara kumpulan (*Team-Based Learning*) untuk meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran Sastera. Kajian tersebut telah dijalankan ke atas 24 orang pelajar maktab rendah tahun 1 dan melibatkan ujian pra dan pasca. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pencapaian dalam penilaian dan pelajar mampu berfikir pada aras pemikiran yang tinggi. Tidak dapat dinafikan lagi, pelaksanaan Kelas Berbalik mampu meningkatkan tahap pemikiran aras tinggi pelajar, tambahan pula apabila pelaksanaannya digabungkan dengan pembelajaran secara berkumpulan.

Seterusnya, kajian mengenai pelaksanaan Kelas Berbalik dalam pengajaran bahasa dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan di sebuah universiti di Istanbul, Turki oleh Basal (2015)⁵⁸ dalam kajian yang bertajuk '*The Implementation of a flipped classroom in Foreign Language Teaching*'. Tujuan kajian beliau adalah untuk mengetahui persepsi pelajar di universiti tersebut tentang pelaksanaan Kelas Berbalik dan memperkenalkan pendekatan kelas berbalik dalam kelas bahasa asing. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelajar dapat memahami pembelajaran dengan berkesan kerana mereka boleh mengakses maklumat pada bila-bila masa sahaja yang mereka inginkan. Selain itu, dapatan juga menunjukkan pelaksanaan kelas berbalik dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam kelas.

Selain itu, kajian kelas berbalik juga telah dilakukan oleh Marlowe (2012)⁵⁹ ke atas pelajar kursus Internal Baccalaureate (IB) Diploma Jurusan *Environmental Systems and Societies (ESS)* di Dubai American Academy, Uni Emir Arab. Hasil dapatan kajian beliau yang bertajuk '*The Effect of the flipped classroom on student achievement and stress*' menunjukkan bahawa tahap stress pelajar makin berkurang secara signifikan walaupun hasil ujian akhir tidak menunjukkan peningkatan pencapaian dalam nilai pelajar. Namun dapatan menunjukkan pelaksanaan Kelas Berbalik dapat menjadikan pelajar lebih selesa mengikuti proses pembelajaran berbanding pembelajaran sebelum dilaksanakan kaedah ini.

Kajian lepas berkaitan Pendekatan Kelas Berbalik dalam Pembelajaran oleh Pengkaji Tempatan.

Berdasarkan kajian lepas, pengkaji mendapati kajian mengenai pendekatan kelas berbalik telah banyak diaplikasikan sama di sekolah mahupun universiti dan daripada pengkaji luar Negara mahupun pengkaji tempatan. Manakala pengkaji mendapati penyelidik tempatan yang membuat kajian berkaitan kelas berbalik amat kurang antaranya ialah Jamaludin dan Osman, (2014)⁶⁰ mengkaji mengenai penggunaan kelas berbalik dalam meningkatkan penglibatan dan menggalakkan pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar. kemudian kajian daripada Johari Hassan dan Siti Norazlina Kamisan (2015)⁶¹ pula adalah berkaitan pelaksanaan Kelas Berbalik di universiti pertahanan. Seterusnya, Zamzami dan Siti Hajar Halili (2016)⁶² mengkaji berkaitan penggunaan kelas berbalik dalam pengajaran dan pembelajaran aktiviti.

Manakala Siti Hajar Halili dan R. Sumathy (2018)⁶³, pula mengkaji mengenai penerimaan guru sekolah rendah terhadap pendekatan kelas berbalik dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah iaitu 15 orang dari setiap sekolah. Pemilihan sampel adalah dipilih secara rawak mudah dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan persepsi guru mengenai pelaksanaan Kelas Berbalik adalah merupakan satu kaedah mudah dan fleksibel. Selain itu, guru juga meluahkan perasaan yang positif terhadap pelaksanaan dan penerimaan kelas berbalik.

Manakala kajian daripada Mukherjee dan Pilai (2013)⁶⁴ terhadap pelaksanaan Kelas Berbalik di Kampus Universiti Curtin di Sarawak mendapati pada awal pelaksanaan Kelas Berbalik terdapat sedikit masalah pertukaran budaya pembelajaran dalam kalangan pelajar tersebut kerana kebiasaannya pembelajaran yang dijalankan adalah berpusatkan guru. Walaubagaimanapun, masalah tersebut hanya berlaku pada awal pelaksanaannya sahaja. Pelaksanaan pendekatan kelas berbalik telah mengubah tingkah laku dan prestasi pelajar menjadi lebih positif dan menjadi satu platform terbaik untuk proses pengembangan pengetahuan dan maklumat, pembelajaran kolaboratif dan mampu menjimatkan masa di dalam kelas. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan pelaksanaan Kelas Berbalik mampu meningkatkan pengetahuan dan mengatasi masalah kekurangan masa penyampaian di kelas.

Seterusnya kajian berkaitan penggunaan kelas berbalik daripada Rozinah Jamaludin dan Siti Zuraidah Md Osman (2014)⁶⁵ di Universiti Sains Malaysia (USM) terhadap 24 orang pelajar Ijazah Dasar, mendapati bahawa berlaku peningkatan pembelajaran aktif oleh pelajar dari aspek tingkah laku, emosi, kognitif dan penglibatan pelajar dalam kelas. Perubahan positif dari segi emosi dapat dilihat apabila pelajar melibatkan diri secara aktif dan merasakan pembelajaran di dalam kelas kini lebih menyeronokkan. Manakala perubahan positif dari aspek tingkah laku pelajar dapat dilihat semasa aktiviti pengajaran berlangsung. Pelajar didapati mendengar arahan dengan teliti, mematuhi arahan yang diberikan dan menyertai setiap aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan pelaksanaan Kelas Berbalik sangat sesuai dilaksanakan di Malaysia.

Kajian berikutnya ialah daripada Dorothy DeWitt, Norlidah Alias dan Saedah Siraj (2014)⁶⁶, berkaitan persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan, pelaksanaan dan kesan kelas berbalik. Kajian ini melibatkan 10 orang pelajar ijazah sarjana yang mengambil kursus penyelidikan di Universiti Malaya sebagai sampel kajian. Antara bahan pengajaran yang digunakan sebelum kelas bermula ialah slide powerpoint dan video. Hasil kajian menunjukkan

penggunaan slaid *powerpoint* dan video dalam strategi kelas berbalik dapat membantu pelajar belajar dengan lebih baik. Di samping itu, melalui pelaksanaan Kelas Berbalik, pengetahuan dan prestasi pelajar juga meningkat dan mereka juga merasakan penggunaan strategi ini dapat membantu menjimatkan masa pembelajaran di dalam kelas.

Kajian Azlina (2017)⁶⁷ pula melibatkan 61 orang pelajar tingkatan dua dari sekolah berasrama penuh dalam pembelajaran matematik. Kajian yang dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti kesan kaedah kelas berbalik menerusi pembelajaran berasaskan projek ke atas pencapaian dan gaya pembelajaran pelajar. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen untuk mengukur pencapaian pelajar dan data telah dianalisis melalui ANCOVA. Manakala persepsi pelajar pula diperolehi melalui soal selidik dan temu bual. Dapatan kajian menunjukkan gaya pembelajaran dominan pelajar sebelum pelaksanaan Kelas Berbalik adalah gaya pembelajaran berkumpulan. Manakala dapatan daripada ujian pencapaian pula menunjukkan kumpulan rawatan mengalami peningkatan yang signifikan dalam gred berbanding kumpulan kawalan. Selain itu, dapatan daripada soal selidik gaya pembelajaran selepas rawatan juga menunjukkan bahawa sebahagian pelajar telah berjaya menguasai kedua-dua jenis gaya pembelajaran individu dan berkumpulan.

Kajian daripada Noraini et al. (2017)⁶⁸ yang bertajuk Keberkesanan pendekatan kelas berbalik dalam pembelajaran Sains di sekolah rendah pula adalah bertujuan untuk melihat kesan pengajaran Sains menggunakan pendekatan kelas terbalik terhadap peningkatan pencapaian berbanding pendekatan konvensional. Kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah eksperimental kuasai dua kumpulan pelajar. Dapatan kajian berdasarkan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan pencapaian akademik bagi kumpulan pelajar yang belajar sains menggunakan pendekatan kelas berbalik berbanding pendekatan konvensional. Manakala dapatan kajian melalui temubual pula menunjukkan pelajar yang belajar sains menggunakan pendekatan kelas berbalik menyatakan rasa kepuasan, keseronokan, mendapat banyak maklumat belajar dan berkeyakinan untuk bercakap dalam perbincangan kelas.

Kajian seterusnya ialah daripada Mohd Zairi dan Muhammad Furqan (tidak dinyatakan tahun)⁶⁹ tentang penggunaan pendekatan kelas berbalik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Jasmani tahun 5. Kajian ini telah dijalankan ke atas 34 orang pelajar dengan menggunakan kaedah pemerhatian, soal selidik dan nota lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa berlaku peningkatan dalam penglibatan dan interaksi pelajar sebanyak 58.83%. Manakala peningkatan motivasi pula adalah sebanyak 63.20% dan minat pula telah meningkat sebanyak 5.93 peratus berbanding minggu pertama. Daripada kajian ini didapati bahawa pelajar pada masa kini lebih berminat ke arah penggunaan gajet, alat elektronik media massa dan peralatan teknologi.

Kajian daripada Wahindah Suhari (2015)⁷⁰ pula adalah berkaitan kelas berbalik dalam pengajaran karangan. Kajian tersebut telah melibatkan 26 orang pelajar darjah lima sebagai sampel kajian. Kajian ini juga menggunakan *Screen O Matic* sebagai bahan bantu untuk merakam kuliah mengenai gambar yang digunakan bagi penulisan karangan. Kemudian hasil rakaman tersebut dimuatnaik ke dalam medium Slideshare bagi memudahkan pelajar mengakses dan mengulang tayang slaid mengikut tahap kesediaan dan keselesaan mereka. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan pemantauan serta mengambil kira mutu karangan bagi mengumpul data kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih bersedia dalam perbincangan sebelum kelas bermula dan aktif berinteraksi dengan guru sekaligus dapat membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu.

Kajian Zanariah (2017)⁷¹, yang bertajuk Pembangunan Modul Kelas Berbalik Berasaskan Pembelajaran Reflektif untuk Politeknik Premier pula bertujuan untuk membangunkan modul pedagogi kelas berbalik berasaskan pembelajaran dalam menghubungkan kemahiran dan pengetahuan. Kajian ini telah dijalankan terhadap 200 orang pelajar Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal daripada tiga politeknik premier. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama dalam mengumpul data. Seterusnya data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemahiran dan akses kepada alatan teknologi dan komputer serta mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan komputer dan e-pembelajaran. Dapatan juga menunjukkan bahawa penggunaan modul pedagogi kelas berbalik berasaskan pembelajaran reflektif berkesan untuk membantu pelajar menghubungkan kemahiran dengan pengetahuan.

Seterusnya ialah kajian daripada Shasitharan Raman Kutty, Vasanthan Gurusamy, Noor Banu Mahadir Naidu., & Chander Vengadasalam (2019)⁷², yang bertajuk penggunaan *Schoology* untuk memerihalkan isu dalam pendidikan moral menerusi kelas berbalik (*flipped classroom*). Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan kajian tindakan. Responden kajian yang terlibat adalah terdiri daripada 6 orang guru praperkhidmatan (GPP) opsyen Pendidikan Moral yang menggunakan platform *Schoology* iaitu salah satu aplikasi kelas berbalik dalam pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan *Schoology* dapat membantu GPP mengembangkan elemen pemikiran moral setelah sesi perbincangan dijalankan melalui aktiviti seperti menonton video dan maklum balas secara talian *Schoology* iaitu di peringkat prapengajaran dan pasca pengajaran.

Berdasarkan penelitian melalui kajian lepas, pengkaji mendapati kajian berkaitan kelas berbalik merupakan kajian yang terkini dan terbaru di Malaysia dan mendatangkan banyak kesan positif terhadap pembelajaran pelajar. Walaupun terdapat kajian mengenai kelas berbalik di Malaysia namun, pengkaji mendapati kajian berkaitan kelas berbalik dalam pembelajaran bahasa Arab amat kurang dijalankan. Kebanyakan kajian lepas hanya memfokuskan pelaksanaan Kelas Berbalik dalam pelbagai disiplin ilmu lain tetapi kurang dalam bahasa Arab. Selain itu, kebanyakan kajian lepas juga memfokuskan kepada kesan pendekatan kelas berbalik dalam meningkatkan motivasi, pencapaian, kehadiran, persepsi pelajar sahaja. Pengkaji mendapati masih kurang kajian yang mengkaji berkaitan tahap pengetahuan guru bahasa Arab dalam melaksanakan Kelas Berbalik. Oleh itu, kajian berkaitan tahap pengetahuan guru bahasa Arab perlu dilakukan untuk mengisi kelompangan yang berlaku.

Kesimpulan

Pengetahuan merupakan perkara asas yang perlu dikuasai oleh guru-guru terutamanya guru bahasa Arab supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Pengetahuan yang perlu dikuasai oleh guru mestilah merangkumi pengetahuan kandungan, pedagogi, teknologi dan banyak lagi. Tanpa pengetahuan yang luas berkaitan bidang pendidikan, pengajaran menjadi tidak berkesan dan sukar untuk menarik minat pelajar terutamanya dalam pembelajaran bahasa Arab. Tambahan pula pada era teknologi yang semakin canggih ini, pengajaran guru juga seharusnya selari dengan perkembangan teknologi yang berlaku. Guru perlu bijak dalam merancang, mengguna dan mempelbagaikan strategi pengajaran supaya lebih berpusatkan pelajar dan fleksibel.

Rujukan

1. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya, Malaysia.
2. Chong S, Cheah HM (2009). A Values, Skills and Knowledge Framework for Initial Teacher Preparation Programmes. *Australian Journal of Teacher Education* 34 (3), 1-17
3. Rafiza, A. R., Dalwinder, K., Siti Hajar, H., & Zahri, R. (2016). Flipped ESL teacher professional development: Embracing change to remain relevant. *Teaching English with Technology*, 16(3), 85-102.
4. Siegle, D. (2013). Technology: Differentiating Instruction by Flipping the Classroom. *Gifted Child Today*, 37(1), 51–55.
5. Yap, T. K., & Liaw, C. H. (2013). Flipped classroom for active learning in big group lecture. Paper presented at the 2013 International Symposium on Advances in Technology Education, 25 – 27 September 2013.
6. Abdullah Ishak, (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin dan Zamri Abdul Rahim. (2004). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, kementerian Pelajaran Malaysia.
8. Bahagian Pendidikan Islam (BPI), (1993). *Kajian mata pelajaran Pendidikan Islam dan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia*. Laporan Kajian Bahagian Pendidikan Islam: Kementerian Pelajaran Malaysia.
9. Che Kamarudin Kamel Che Muhammad. (1999). *Satu kajian penguasaan nahu Bahasa Arab peringkat menengah di kalangan pelajar sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
10. Mohd Jasmy Abd Rahman, Shahrin Awaluddin & Mohd Arif Hj Ismail. (2005). *Tahap penggunaan alat teknologi pengajaran di kalangan guru-guru pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (SIRI 4). Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
11. Rosmaria Mohd Sahat, (2003). *Penggunaan komputer dan multimedia dalam pendidikan di Malaysia*. Laporan kajian bebas Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
12. Yahya Abdullah, (2003). *Persepsi, minat dan penghayatan terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam di kalangan pelajar tingkatan 5 di SMK Muzaffar Shah, Simpang Empat, Semanggol Perak*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
13. Zarima Mohd Zakaria, (2005). *Al-ta'bir al-kitabi laday al-talabah al-maliziyyin bi al-madaris al-thanawiyyah al-diniyyah bi Selangor – dirasah wasfiyyah tahliliyyah, (aspek penulisan dalam kalangan pelajar Melayu di sekolah-sekolah menengah agama di Selangor – kajian tinjauan analisis)*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
14. Rusni Abdul Latif, (2007). *Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab komunikasi Sekolah Kebangsaan (BAKSK) di Kalangan Guru-Guru j-QAF di Negeri Selangor*. Laporan penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
15. Norashid Othman & Hamzah Md. Omar. 2014. *Beban tugas dan motivasi pengajaran guru di Sekolah Menengah Daerah Ranau*. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5: 35-37.

16. Zamri Mahamad. (2012). Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris.
17. Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Aliff Nawi. (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. Q-jIE The Online Journal of Islamic Education, 3(1), 32–40.
18. Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Education Review*, 57 (1), 1-22.
19. Mishra, P. & Koehler, M.J., (2006). What happens when teachers design educational technology? The development of technological pedagogical content knowledge. *Journal of Educational Computing Research*, 32(2), 131-152.
20. AACTE Committee Innovation and Technology, (2008). *Handbook of Technological Pedagogical Content Knowledge (TPCK) for Educator*. New York: Routledge.
21. Miswan, M., & Adenan, H. (2018). Penggunaan kerangka TPACK dalam pembangunan papan cerita aplikasi LiLIN. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 5(2), 293–325.
22. Magisos, J.H. (1989), “Vokcational Teacher Education Principles, Practise, Problem and Promissing Direction.” London : The Plamer Press.
23. Kauchak dan Enggan (1989), “ Learning And Teaching. “ Massachusset : Allyn and Bacon.
24. Shulman, L.S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Education Researcher*, 15(2), 4-14.
25. Lage, M. J., Platt, G. J., & Treglia, M. (2000). Inverting the classroom: A gateway to creating an inclusive learning environment. *The Journal of Economic Education*, 31(1),30–43. Retrieved from <http://www.jstor.org/discover/10.2307/1183338?uid=3738672&uid=2&uid=4&sid=21104524372037>
26. Herreid, C. F., dan Schiller, N. A. (2013). Case Studies and the Flipped Classroom. *Journal of College Science Teaching*, 42(5), 62–66
27. Westermann, E. D. (2014). A Half-Flipped Classroom or An Alternative Approach? Primary Sources and Blended Learning. *Journal Educational Research Quarterly*, 38(2).
28. Bishop, J. L., & Verleger, M. A. (2013, Jun). The flipped classroom: A survey of the research. In *ASEE National Conference Proceedings*, Atlanta, GA (Vol. 30, No. 9).
29. Mohamed Amin Embi & Ebrahim Panah (2014). Overview of Flipped Learning. Centre for Teaching & Learning Technologies. Bangi: UKM.
30. Canter, M. (2012). E-heutagogy for lifelong e-learning. *Procedia Technology*, 1, 129–131. <https://doi.org/10.1016/j.protcy.2012.02.025>
31. Smallhorn, M. (2017). The flipped classroom: A learning model to increase student engagement not academic achievement. *Student Success*, 8(2), 43–53.
32. Kurup, V., & Hersey, D. (2013). The changing landscape of anesthesia education: is Flipped Classroom the answer? *Current Opinion in Anaesthesiology*, 26(6), 726–31. doi: 10.1097/ACO.0000000000000004
33. McLaughlin, J. E., Griffin, L. M., Esserman, D. A, Davidson, C. A, Glatt, D. M., Roth, M. T. Mumper, R. J. (2013). Pharmacy student engagement, performance, and perception in a flipped satellite classroom. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 77(9), 196. doi: 10.5688/ajpe779196
34. Berger, J.-L., & D’Ascoli, Y. (2012). Motivations to become Vocational Education and Training educators: A person-oriented approach. *Vocations and Learning*, 5(3), 225–249. doi.org/10.1007/s12186-012-9075-z

35. McLaughlin, J. E., Roth, M. T., Glatt, D. M., Gharkholonarehe, N., Davidson, C. a, Griffin, L. M., Mumper, R. J. (2014). The flipped classroom: A course redesign to foster learning and engagement in a health professions school. *Academic Medicine : Journal of the Association of American Medical Colleges*, 89(2), 236–43. doi: 10.1097/ACM.0000000000000086
36. Zaid Alsagoff, Hasnain Baloch & Norhasliza Hashim (2014). Flipping Large Lectures @ IMU. *Blended & Flipped Learning : Case Studies in Malaysian HEIs*
37. Mehta, N. B., Hull, A. L., Young, J. B., & Stoller, J. K. (2013). Just imagine: New paradigms for medical education. *Academic Medicine : Journal of the Association of American Medical Colleges*, 88(10), 1418–23. doi: 10.1097/ACM.0b013e3182a36a07
38. Nederveld, A., & Berge, Z. L. (2015). Flipped learning in the workplace. *Journal of Workplace Learning*, 27(2), 162- 172.
39. Simpson, V., & Richards, E. (2015). Flipping the classroom to teach population health: Increasing the relevance. *Nurse Education in Practice*, 15(3), 162-167.
40. Touchton, M. (2015). Flipping the Classroom and Student Performance in Advanced Statistics: Evidence from a QuasiExperiment. *Journal of Political Science Education*, 11(1), 28-44.
41. Morgan, H. (2014). Focus on technology: Flip your classroom to increase academic achievement. *Childhood Education*, 90(3), 239-241.
42. Tune, J. D., Sturek, M., & Basile, D. P. (2013). Flipped classroom model improves graduate student performance in cardiovascular, respiratory, and renal physiology. *Advances in physiology education*, 37(4), 316-320.
43. Milman, N. B. (2012). The flipped classroom strategy: What is it and how can it best be used? *Distance Learning*, 9(3), 85-87.
44. Mukherjee, T. C., & Pillai, K. V. K. (2013). Exploring the relationship between Learner 's attributes and flipped classroom success in the Malaysian context. In 2nd International Higher Education Teaching and Learning Conference 2013. Miri, Sarawak.
45. Flumerfelt, S., & Green, G. (2013). Using Lean in the flipped classroom for at risk students. *Journal of Educational Technology & Society*, 16(1), 356–366.
46. Azlina A. Rahman, Baharuddin Aris, Hasnah Mohamed, Norasykin Mohd Zaid, dan Zaleha Abdullah. (2014). Flipped Classroom dalam Konteks Malaysia. *Proceedings of the 2014 Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik (JIWA)*. 11- 13 October. Johor Baharu, Malaysia: UTM, 11-13.
47. Butt, A. (2014). Students Views On the Use Of a Flipped classroom Approach: Evidence from Australia, 6(1), 33–44
48. Pang, N. K., dan Yap, K. T. (2014). The Flipped Classroom Experience. *IEEE*, 39–43.
49. Abu Bakar (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikiran Kritis, Kreatif dan Inovatif. *Juku Juku*, 10 – 18.
50. Fulton, K. (2012). Upside down and inside out: Flip your classroom to improve student learning. *Learning & Leading with Technology*, 39, 12-17. [E-Reader Version]. Retrieved from <http://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ982840.pdf>
51. Lockwood, K., Bay, C. S. U. M., dan Esselstein, R. (2013). The Inverted Classroom and the CS Curriculum, 113–118.
52. Mason, G. S., Shuman, T. R., dan Cook, K. E. (2013). Comparing the Effectiveness of an Inverted Classroom to a Traditional Classroom in an Upper-Division Engineering Course. *IEEE Transactions on Education*, 56(4), 430–435. doi:10.1109/TE.2013.2249066

53. Strayer, J. F. (2012). How learning in an inverted classroom influences cooperation, innovation and task orientation. *Learning Environments Research*, 15(2), 171–193. doi:10.1007/s10984-012-9108-4
54. Jiugen, Y., Ruonan, X., dan Wenting, Z. (2014). Essence of Flipped Classroom Teaching Model and Influence on Traditional Teaching. *IEEE*, 362–365.
55. Stone, B. B. (2012). Flip your classroom to increase active learning and student engagement. In *28th Annual Conference on Distance Teaching & Learning* (pp. 1-5).
56. Westermann, E. D. (2014). A Half-Flipped Classroom or An Alternative Approach? Primary Sources and Blended Learning. *Journal Educational Research Quarterly*, 38(2).
57. Tetty Juliana. Pembelajaran Genre Sastra Melalui Flipped Classroom. Pusat Bahasa Melayu Singapura & Maktab Rendah Innova, Singapura.
58. Basal, Ahmet. (2015). The Implementation of a Flipped Classroom in Foreign Language Teaching. *Turkish Online Journal of Distance Education TOJDE* October 2015 ISSN 1302- 6488 Volume: 16 Number: 4 Article 3
59. Marlowe, Cara. (2012). The Effect of The Flipped Classroom on Student Achievement and Stress. Thesis paper. Montana: Montana State University
60. Jamaludin, R., & Osman, S. Z. M. (2014). The use of a flipped classroom to enhance engagement and promote active learning. *Journal of Education and Practice*, 5(2), 124-131.
61. Johari Hassan., & Siti Norazlina Kamisan. (2008). Penggunaan komputer dan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di kalangan guru sekolah menengah kebangsaan luar bandar. Dalam *Isu-isu Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah*. Penerbit UTM: Johor, 15-24.
62. Zamzami Zainuddin., & Siti Hajar Halili. (2016). Flipped classroom research and trends from different fields of study. *The International Review of Research in Open and Distributed Learning (IRRODL)*, 17(3), 313-340.
63. Siti Hajar Halili & Ramas, S. (2018). Penerimaan Guru Sekolah Rendah terhadap Pendekatan Kelas Berbalik dalam Mata Pelajaran Bahasa Tamil. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 48–56.
64. Mukherjee, T. C. (2013). Exploring the relationship between Learner ' s a ttributes and Flipped classroom success in the Malaysian context.
65. Rozinah Jamaludin & Siti Zuraidah Md Osman (2014) Flipped Classroom and Traditional Classroom: Lecturer and Student Perceptions between Two Learning Cultures, a Case Study at Malaysian Polytechnic. *International Education Research*. Vol 2 (4) ms 16-25. ISSN 2291-5273 EISSN 2291-5281
66. Dorothy DeWitt, Norlidah Alias, & Saedah Siraj. (2014). Flipped classroom to improve students' understanding in a Research Methodology class in a public higher education institution. In *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2014*. Kuala Lumpur.
67. Azlina A.Rahman. (2017). Kesan Kaedah Flipped Classroom Menerusi Pembelajaran Berasaskan Projek ke atas Pencapaian dan Gaya Pembelajaran Pelajar. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
68. Noraini, A et al (2017). Keberkesanan Pendekatan Flipped Classroom Dalam Pembelajaran Sains Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, Dec 2017, 7, 106-118
69. Mohd Zairi & Muhammad Furqan (n.d.). Penggunaan Kaedah Flipped Classroom dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani Tahun 5, 13–20.

70. Wahindah Suhari, Wan Alfida dan Zuraidah (2015), Flipped Classroom Dalam Pengajaran Karangan. Seminar Bahasa Melayu 2015.
71. Zanariah Ahmad. (2017). Pembangunan Modul Pedagogi Kelas Berbalik Berasaskan Pembelajaran Reflektif untuk Politeknik Premier. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
72. Shasitharan Raman Kutty., Vasanthan Gurusamy., Noor Banu Mahadir Naidu., & Chander Vengadasalam. (2019). Penggunaan schoology untuk memerihalkan isu dalam pendidikan moral menerusi kelas berbalik (flipped classroom). *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 295-307. <https://doi.org/10.33306/mjssh/23>